

TEORI MEDAN MAKNA PENDESKRIPSIAN LEKSIKAL KATA KERJA DALAM BAHASA MELAYU¹

Aini Haji Karim

Abstrak

Kajian makna sesuatu perkataan tidak seobjektif sesuatu kajian dalam bidang fonologi, morfologi atau sintaksis. Bagaimanapun, kajian makna perkataan tetap sah dengan menggunakan metodologi yang mantap. Kertas kerja ini mengaplikasikan teori Medan Makna bagi mendeskripsikan aspek-aspek leksikal sejumlah kata kerja dalam dialek Brunei bagi tujuan melihat persamaan dan perbezaannya dengan kata kerja yang dianggap sama maknanya dalam bahasa Melayu standard (BMS). Kata kerja yang dipilih daripada dialek Brunei ialah kata kerja yang dapat diklasifikasikan kepada dua kumpulan homonim: (i) kata kerja yang konotasinya berkaitan dengan “aksi memukul”, dan (ii) kata kerja yang konotasinya berkaitan dengan “aksi membersihkan”. Kata kerja yang dipilih cuma melibatkan aksi-aksi di rumah atau dalam satu rumah tangga. Persamaan dan perbezaan aspek leksikal bagi kata kerja yang dilakukan secara komparatif ini akan dipaparkan dengan lambang-lambang [+], [-] dan [±]. Aspek-aspek leksikal yang sama menjadi bukti tentang ciri-ciri makna yang dikongsi bersama sedangkan aspek-aspek leksikal yang berkontradiksi pula menjadi bukti bagi menunjukkan kelainan dari aspek makna. Analisis berdasarkan Metodologi Komponen Makna dengan jelas menunjukkan bahawa tidak ada mana-mana kata kerja dalam dialek Brunei yang bersinonim dengan kata kerja dalam BMS. Walaupun ciri-ciri semantik kata kerja kedua-dua bahasa yang dibandingkan adalah sedemikian rupa, mana-mana kata kerja dalam dialek Brunei (mahupun dalam dialek-dialek lain) yang persis

1 Kertas kerja ini dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Leksikologi dan Leksikografi Melayu (PALMA2005), anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

dengan mana-mana kata kerja dalam BMS wajar diserapkan sebagai leksikon BMS.

Abstract

The semantic study of a word could not be carried out objectively as in the study of phonology, morphology or syntax. Instead of it, semantic study of words are made reliable by using a good methodology. This paper is the application of Semantic Field Theory which is used to describe the lexical aspects of selected verbs in the Brunei dialect for the purpose to see their similarities and differences with the equivalent verbs in Standard Malay. The selected verbs in Brunei dialect are those verbs that can be classified into two groups of homonyms; (i) verbs that denote the 'actions of beatings' and (ii) verbs that denotes the 'actions of cleaning'. These selected verbs pertains only to the various actions within a household or in the house. The similarities and differences of the lexical aspects of the selected verbs in the two languages being compared, will be highlighted by using [+], [-] and [±] symbols. The lexical aspects which are similar prove the semantics equivalent that are shared together and the differences of the lexical aspects found, clearly denote the variations of certain aspects of meaning between the two verbs being compared. The analysis which is based on the Componential Analysis Methodology shows clearly that not a single verb of the selected verbs in Brunei dialect is synonymous with the verb in standard Malay. Although the semantics aspects of the verbs being compared are as such, yet a verb in Brunei dialect (or in other Malay dialects) could be taken as part of the lexicon of Bahasa Melayu Standard

PENDAHULUAN

Makna sesuatu kata itu agak sukar untuk dikaji secara objektif sebagaimana yang dapat dibuat terhadap pengkajian dalam bidang-bidang lain seperti bidang fonologi, morfologi dan juga sintaksis. Para pengkaji bahasa telah mengemukakan berbagai-bagai pendekatan yang pada asasnya mempunyai matlamat yang sama. Ada beberapa teori dan kaedah yang boleh digunakan dalam mentakrif makna sesuatu kata atau leksis, antara teori itu ialah Teori Imej Makna atau Teori Segi Tiga Semiotik (Ogden dan Richards, 1923 dilihat dalam Baldinger, 1980:3; Abdullah Hassan, 1980:233), Teori Behaviourisme (Bloomfield, 1935), Teori Medan Makna atau Teori Medan (Trier, 1934), Teori Analisis Komponen Makna (Trubetzkoy, 1939; Hjelmslev, 1953 dan Jakobson, 1936 dilihat dalam Lyons, 1977:317-8), Teori Keperihalan Keadaan (Firth, 1957), Teori Logik Simbolik

dan bermacam-macam lagi. Lyons (1994) juga ada menyenaraikan beberapa teori yang juga boleh digunakan dalam mentakrifkan makna. Antara lain: (a) Teori Referensial (“makna-ujaran ialah apa yang dirujuknya”): Misalnya “Tompok” bermakna Tompok, “kucing” bermakna golongan kucing atau sifat yang dikongsi oleh semua kucing; (b) Teori Ideasional atau Teori Mentalistik (“makna-ujaran ialah idea, atau konsep yang berkaitan dengannya dalam fikiran orang yang mengetahui”); (c) Teori Behavioris (makna ujaran ialah rangsangan yang mencetuskannya atau kedua-duanya sekali pada suatu ketika yang tertentu, bagi sesuatu ujaran) ... (Lyons, 1994:19).

Walau bagaimanapun, setelah meneliti kesemua teori tersebut, pada pendapat pengkaji, teori yang paling popular dan bersifat saintifik yang boleh digunakan untuk mendeskripsikan makna kata yang termasuk dalam satu kumpulan, di bawah satu domain ataupun yang digolongkan dalam satu medan, termasuk yang bersifat homonim ialah Teori Medan Makna (*Semantic Field Theory*) atau Teori Medan (*Field Theory*) yang diasaskan oleh Josh Trier, seorang bangsa Jerman sekitar tahun 1931–1934. Di samping Teori Medan Makna, pengkaji juga akan menggunakan Kaedah Analisis Komponen Makna. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan membincangkan cara-cara menganalisis lexis kata kerja dengan menggunakan Teori Medan Makna bersekali dengan Kaedah Analisis Komponen Makna dengan menggunakan ciri-ciri seperti sifat kerja, tujuan, objek, lokasi, alat, situasi, bahan mentah, destinasi, hasil dan sebagainya.

Permasalahan dalam Penjelasan Makna

Walaupun banyak benda fizikal yang boleh dikenal pasti dengan mudah, ini tidak bererti bahawa makna untuk perkataan atau ungkapan yang relevan itu sama dengan denotasinya. Misalnya **ikan bilis** (BMS) dan **pusu** (DMB), kedua-dua perkataan ini tidaklah dapat dikatakan mempunyai makna yang sama kerana berbeza dari segi ejaan dan sebutan. Namun demikian, perkataan-perkataan ini mendenotasikan satu benda yang sama, iaitu sejenis ikan kecil yang lazimnya “dimasinkeringkan” (yang dikenali sebagai **ikan bilis** di Semenanjung dan **pusu** di Negara Brunei Darussalam). Begitu juga dengan **ikan kekek** (BMS) dan **bilis** (DMB), kedua-dua perkataan ini berbeza dari segi ejaan dan sebutan tetapi membicarakan benda yang sama, iaitu sejenis ikan. Sebaliknya, sebutan yang sama seperti perkataan **ikan bilis** (BMS) dan **bilis** (DMB), kedua-dua perkataan ini merujuk dua benda yang berlainan. **Ikan bilis** (BMS) disebut **pusu** dalam dialek Melayu Brunei, sebaliknya **bilis** (BMB) disebut **ikan kekek** dalam bahasa Melayu standard.

Satu set perkataan selalunya merujuk keseluruhan set benda yang agak berlainan. Begitu juga umpamanya kenderaan di darat dalam bahasa Melayu, yang mempunyai banyak bentuk dan saiz. Apakah yang membuat benda-benda itu dianggap sebagai **kereta** dan bukan sebagai **bas** atau **basikal**? Sama juga halnya dengan kenderaan di air; terdapat berbagai-bagai bentuk dan saiz serta nama yang berlainan. Kenapa yang besar itu dipanggil **kapal** dan bukan **perahu** atau **gubang**, **tamuai**, **jumpung**, **bidar**, **tongkang** atau lain-lain?

Sering kali terdapat garis pemisah antara benda yang dirujuk oleh satu kata dengan yang dirujuk oleh kata yang lain. Kadang-kadang kabur dan mungkin bertindan. Contohnya tempat kediaman manusia. Kenapa ada perkataan **istana**, **rumah**, **hotel**, **pondok**, **sulap**, **junjung**, **teratak**, **kem**, **khemah**, **berek**, **flat**, **apartmen**, **kondominium** dan sebagainya? Semua ini bermakna tempat tinggal makhluk yang bernama manusia, tetapi **istana** untuk raja, **rumah** untuk orang kebanyakan, **junjung** atau **sulap** merupakan rumah kecil yang terdapat di sawah padi atau di huma, **hotel** tempat penginapan sementara dan lain-lain.

Perbezaan makna antara satu perkataan dengan perkataan lain yang dikatakan bersinonim selalunya tidak banyak. Perbezaan ini biasanya sukar didapati atau dicari. Namun begitu, setiap perkataan yang berlainan itu pasti mempunyai makna yang berbeza. Poedjosodarmo (1989) mengatakan bahawa:

“... dalam hal ini kita memegang prinsip bahawa setiap bentuk linguistik yang berbeza tentu memancarkan erti yang berbeza pula, walaupun barangkali perbezaan itu hanya kecil saja”.

Penggolongan benda berdasarkan kata-kata yang digunakan untuk mendenotasikannya adalah berbeza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain, bahkan antara satu dialek dengan dialek yang lain. Umpamanya, kata nama makanan utama kita **nasi**, dalam bahasa Inggeris hanya ada kata **rice**, sedangkan dalam bahasa Melayu terdapat bermacam-macam panggilan yang diberikan, iaitu **padi** bagi yang masih berkulit, **beras** untuk padi yang sudah dibuang kulitnya dan masih mentah, **lamukut** ialah hujung beras, **nasi** bermakna beras yang sudah ditanak/dimasak dalam keadaan biasa, **bubur** ialah nasi yang ditanak lembik, dan terdapat bermacam-macam lagi seperti **emping**, **bertih**, **ampa**, **roman** dan sebagainya.

Demikian juga halnya dengan penggolongan kata kerja yang mendukung makna **membawa**, contohnya dalam bahasa Melayu (dialek Melayu Brunei), terdapat bermacam-macam panggilan, bergantung pada cara **bagaimana** dan **di mana** benda itu dibawa. Jika di belakang, disebut [**sikut**], jika membawa budak dengan kakinya terkangkang pada pinggang orang yang membawanya

disebut [**kipak**], jika membawa di bahu disebut [**sahan**], jika membawa barang menggunakan kayu yang diletakkan di bahu dengan barang yang tergantung di kedua-dua hujung kayu tersebut disebut [**pikul**] (kandar). Jika membawa barang atau menahan sesuatu dengan telapak tangan dinamakan [**tanai**]. Sedangkan dalam bahasa Inggeris, perkataan membawa hanya ada kata *to carry, to bring* dan *to take*.

Dalam menganalisis makna, terdapat beberapa kesulitan yang timbul. Antaranya:

1. Kata tidak boleh menentukan kriteria mana yang hendak digunakan, cuma yang pasti, ahli dalam sesuatu medan itu memiliki sekurang-kurangnya satu komponen yang sama. Contohnya, perkataan **masak, gulai, kuih, buah, taruk** (pucuk-pucuk tumbuhan yang dibuat ulam). Semua ini termasuk dalam kategori makanan. Contoh lain, umpamanya **surat khabar, jurnal, makalah, majalah, buku, kitab, kamus** dan sebagainya. Semua kata ini termasuk dalam golongan **bahan bacaan**.
2. Kesulitan lain dalam menganalisis makna adalah kadang-kadang satu patah perkataan mungkin menjadi ahli kepada beberapa medan atau menduduki lebih daripada satu medan. Umpamanya, perkataan **batu** boleh memasuki **medan bahan binaan** seperti **pasir, batu, bata, kayu, papan** dan lain-lain. Dari segi yang lain, **batu** juga memasuki **medan sukatan jarak** seperti **kilometer, batu, rantai, meter, ela, kaki, inci**, dan sebagainya. Kata **rantai** juga boleh memasuki **medan barang perhiasan**, iaitu **gelang, rantai, subang, cincin**, dan **jam tangan**. Begitu juga halnya dengan kata **kaki** yang boleh memasuki **medan anggota badan**. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas, sila perhatikan Carta 1.

Carta 1 Contoh medan jarak, bahan binaan, barang perhiasan dan anggota badan.

Medan sukatan jarak

kilometer

batu pasir batu kayu papan cermin **Medan bahan binaan**

meter

rantai gelang subang cincin jam tangan **Medan barang perhiasan**

ela

kaki tangan kepala leher badan **Medan anggota badan**

inci

Contoh lain, perkataan **duduk**, pada suatu masa boleh memasuki medan **perbuatan manusia** seperti **berdiri**, **duduk**, **berlunjur**, **bertinggung**, dan sebagainya. Pada masa yang lain, perkataan **duduk** boleh memasuki medan **tinggal menetap**, iaitu seperti **duduk**, **diam**, **tinggal** dan **huni**. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas, sila perhatikan Carta 2.

Carta 2 Contoh medan perbuatan manusia dan tinggal menetap.

Medan perbuatan manusia

berdiri

duduk diam tinggal huni **Medan tinggal menetap**

berlunjur

bertinggung

merangkak

tiarap

Sekiranya sesuatu kata itu berkemungkinan menjadi ahli kepada beberapa medan, pengkaji hanya akan mengkajinya dari satu medan sahaja.

Ketepatan takrif makna sesuatu kata berhubung kait dengan kebudayaan sesuatu masyarakat. Hal ini terjadi kerana bahasa itu merupakan hasil budaya, bahkan merupakan wadah penyampai kebudayaan masyarakat berkenaan. Oleh itu, semantik ialah cabang linguistik yang berhubung erat dengan bidang sosiologi dan juga antropologi, bahkan juga berhubung kait dengan bidang falsafah dan psikologi.

Bagaimanapun, perlu diingat bahawa bahasa itu bersifat unik, dengan yang demikian, analisis penggolongan medan makna dan juga komponen-komponen makna yang dimiliki oleh kata dalam sesuatu bahasa itu hanya berlaku untuk bahasa itu sahaja, tidak boleh disamakan dengan makna padanannya dalam kata bahasa-bahasa lain. Umpamanya, perkataan **lauk** dalam BMB dengan **lauk** dalam BMS. **Lauk** dalam BMB bermakna ikan, sama ada yang sudah dimasak mahupun yang belum dimasak, bukan sayur, bukan daging. Sebaliknya, **lauk** dalam BMS merujuk semua lauk-pauk yang telah dimasak atau diproses, bukan hanya ikan, tetapi termasuk juga daging, sayur-sayuran dan semua jenis sambal, kecuali air yang dihidang bersama-sama nasi. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas, sila perhatikan Carta 3.

Carta 3 Contoh medan lauk.

Item Ciri-ciri	A. Lauk (BMB)	B. Lauk (BMS)
1. Ob 1. Ikan	+	+
2. Ob 2. Daging	-	+
3. Ob 3. Sayur	-	+
4. Ob 4. Sudah diproses	±	+

Berdasarkan keterangan yang dipaparkan pada Carta 3, jelas bahawa konsep leksikal sesuatu bahasa pasti diiringi oleh komponen sesuatu budaya. Pengakuan kewujudan bagi sesuatu kepastian ialah kandungan dalaman bagi perkataan itu. Contohnya, kenyataan bahawa perkataan sebagai tanda untuk menyatakan sesuatu di sampingnya, kita juga perlu mengakui akan kewujudan bagi komponen budaya itu. Misalnya, perihal **makan berlauk**, makanan utama di sini ialah **nasi**, saingan utama **nasi**, mestilah dimakan dengan **lauk**. Sama ada **sayur**, **ikan**, **daging** atau sebagainya. Apabila dimakan bersama **nasi**, timbul perkataan **lauk**, kesemua ini dinamakan **lauk**. Sebaliknya, sama ada **ikan**, **sayur**, **daging** atau sebagainya, jika dimakan tanpa **nasi**, dikenali dengan perkataan **meratah**, bukan lagi dinamakan **lauk**. Umpamanya, **ikan bakar**, **udang salai**, **daging goreng** dan lain-lain.

Teori dan Kaedah yang Digunakan

Teori yang sesuai dan bersifat saintifik untuk mendeskripsikan makna kata yang termasuk dalam satu kumpulan, di bawah satu domain ataupun yang

digolongkan dalam satu medan, termasuk yang bersifat homonim ialah Teori Medan Makna atau Teori Medan yang diasaskan oleh Josh Treir, pada sekitar tahun 1931 – 1934. Di samping Teori Medan Makna, pengkaji juga akan menggunakan Kaedah Analisis Komponen Makna.

Pengkaji memilih kedua-dua teori dan kaedah ini adalah kerana yang pertamanya, bahasa ialah satu sistem unsur yang kait-mengait, dan nilai setiap unsur itu hanya akan terhasil dengan kewujudan unsur-unsur lain pada masa yang sama (Kempson, 1977:17). Justeru, pengkaji memilih Teori Medan Makna yang menumpukan kajian pada satu set perkataan yang berhubungan serta termasuk di bawah sesuatu domain.

Sebab kedua, Kaedah Analisis Komponen Makna merupakan satu analisis yang mampu menerangkan se jelas mungkin akan hubungan sistematis antara perkataan. Di samping itu, analisis ini juga dapat memerikan hubungan tersebut dengan cara yang lebih ringkas, jelas dan jitu. Menurut pandangan ini, makna yang dikaji itu bukan unit konsep yang tersendiri, tetapi berupa himpunan yang terdiri daripada makna, dan komponen itu sendiri merupakan inti makna (Kempson, 1992:18).

Teori Medan Makna

Teori Medan Makna ialah teori mengenai konseptualisasi yang berhubungan dengan lingkungan yang berhubung kait dengan perbendaharaan kata seperti yang dikatakan oleh Lehrer (1974:7), bahawa Teori Medan atau Teori Medan Makna ini ialah satu teori yang membicarakan satu set perkataan yang berhubungan serta termasuk di bawah sesuatu domain. Antara lain beliau mengatakan:

Teori Medan ialah satu teori yang membicarakan satu set perkataan yang berhubungan yang tergolong di bawah satu domain (medan semantik, bidang subjek). Contohnya, “*glass, a container*” boleh dikaji bersama-sama dengan *cup, bowl, mug, vase*, dan perkataan-perkataan lain yang membawa makna *container*, untuk melihat bagaimana item-item ini berkontras.

(Lehrer, 1974:7)

Aminuddin (1985:108) dan Asmah (1990:1) juga membicarakan hal yang sama. Konsep medan dijelaskan oleh Ullmann (1957:157) seperti yang dipetik oleh Lyons sebagai yang berikut:

Medan-medan ialah realiti kehidupan peringkat pertengahan antara perkataan secara individu dan perbendaharaan kata secara total: sebagai

sebahagian daripada keseluruhan makna yang dikongsi bersama dengan milik perkataan yang bersatu dengan struktur yang lebih besar, dan perbendaharaan kata yang sudah disusun dalam unit-unit yang lebih kecil (*sich ausgliedern*).²

(Lyons, 1977:253)

Perkembangan Teori Medan Makna ini bermula setengah abad yang lalu, iaitu daripada hasil kerja ahli linguistik Jerman, Swiss dan juga ahli antropologi Amerika. Kedua-dua kumpulan linguistik dan antropologi ini telah dipengaruhi oleh Herder (1772), Wilhiem von Humbolt (1836), iaitu melalui Boas (1911) dan Safir (1944), dilihat dalam Lyons (1977:267), dan juga pendapat de Saussure (1916), yang menerangkan konsep asosiasi, khususnya golongan linguistik struktural, terutama sekali pada peringkat awal analisis linguistik struktural dalam pendekatan terhadap makna (Parera, 1991:67).

Ramai sarjana Jerman dan Swiss dikaitkan dengan Teori Medan Makna ini. Menurut Lyons (1977:250), antara yang terkemuka dalam bidang ini ialah Ipsen (1924), Jolles (1934), Porzig (1934), dan Trier (1934). Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada mereka, terutamanya di kalangan ahli linguistik Jerman, teori yang diasaskan oleh Trier (1934) dianggap yang paling penting dan berpengaruh (Gordon, 1982:68).

Penglibatan Trier dengan teori ini memang tidak boleh dinafikan. Walaupun terdapat kritikan yang jelas menentang teori ini, Ullmann (1962:7) dan Lyons (1977:250), berpendapat bahawa teori yang diasaskan oleh Trier (1934) ini telah “membuka *era* baharu dalam sejarah semantik”. Walaupun Gordon (1982:67) mengatakan kajian jenis ini hanya sebagai satu nota yang pendek dan tidak seharusnya ditunjukkan kepada Trier sahaja, namun namanya masih menjadi sebutan dalam hubungannya dengan teori ini.

Teori Medan yang dikembangkan oleh Trier ini mengenal pasti bahawa setiap bahasa dapat dikembangkan dengan realiti secara unik. Trier mengatakan bahawa dalam bidang leksikal, seluruh rangkaian konsep atau lingkungan pemikiran (*idea*) adalah bersambungan dalam jangka waktu yang

2 Dalam versi asal petikan ini berbeza sedikit daripada yang telah dipetik oleh Lyons (1977:253). Ullmann (1957:157) telah mendefinisikan kenyataan Trier seperti yang berikut:

“Fields are linguistic realities existing between single words and the total vocabulary; they are parts of a whole and resemble words in that they combine into some higher unit, and the vocabulary in that they resolve themselves into smaller units” (Felder sind die zwischen den Einzelwortwn und dem Wortganzen lebendigen sprachlichen Wirklichkeiten, die als Teilganze mit dem Wort das Merkmal gemeinsam haben, dass sie sich ergliedern, mit dem Wortschatz hingegen, dass sie sich ausgliedern).

terbatas. Trier juga telah membezakan bidang **leksikal** dengan **konseptual**. Menurut beliau, bidang leksikal membahagikan bidang konseptual kepada beberapa bahagian seperti **mozaik** (*mosaic*). Sesuatu perkataan itu akan memperoleh maknanya dengan cara mempertentangkannya dengan polanya (Lehrer, 1974:5). Contohnya, dalam bahasa Melayu, **kasut** (satu alat yang digunakan untuk mengalas kaki ketika berjalan). Terdapat bermacam-macam jenis kasut dengan saiz, warna, bentuk, kegunaan serta bahan buatannya. Misalnya, **kasut sukan, kasut kulit, kasut getah** dan lain-lain.

Kasut juga terdiri daripada berbagai-bagai jenama yang terkenal seperti **Bally, Bonia, Gucci, Clark** dan sebagainya. Dalam setiap jenama, terdapat pula berbagai-bagai bentuk fesyen, saiz dan warna. Ada kasut untuk orang dewasa, lelaki dan perempuan serta untuk kanak-kanak. Malah ada kasut yang bertumit tinggi, sederhana, rendah dan sebagainya. Ini bermakna **kasut** merupakan hiponim bagi **kasut sukan, kasut getah, kasut kulit** dan sebagainya.

Konsep leksikal secara mutlak mengikut Komlev (1976:139), mengandungi tanda bahawa ia kepunyaan lingkungan atau lapangan yang tetap. Dari segi tema, tahap kepastian makna sesuatu kata itu ditentukan oleh lingkungan bagi konsep-konsep leksikal yang lain (1976:139). Umpamanya, konsep **kenderaan**. Bagi semua kenderaan, sama ada kenderaan di laut, di darat mahupun di udara, pasti mempunyai satu fitur umum yang dikongsi bersama, iaitu **kenaikan** yang boleh membawa kita dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain. Konsep **kenderaan** ini merupakan superordinat seperti yang disebut oleh Nida (1975).

Dalam kebanyakan kes, satu perkataan seolah-olah mempunyai makna dasar yang menerbitkan sejumlah makna yang lain. Lazimnya, kita boleh mengecam atau membayangkan hubungan antara setiap makna dalam medan ini dengan makna dasarnya.

(Nida, 1975:11)

Petikan di atas lebih kurang bermaksud bahawa dalam setiap set yang didukung oleh makna-makna yang sehubungan dengannya, terdapat satu makna pusat yang lazimnya berupa satu konsep atau istilah umum (superordinat). Lazimnya, kita boleh mengenali satu makna dengan membayangkan hubungan antara setiap makna dalam medan ini dengan makna pusatnya, yang dikenali juga sebagai **fitur umum**. Di samping fitur umum atau makna pusat yang dikongsi bersama, ia juga mempunyai **fitur khusus** yang membezakannya dengan yang lain, dan ini dikenali sebagai

fitur distingtif atau komponen makna diagnostik.

Ciri-ciri yang mustahak bagi sesuatu medan adalah bahawa semua perkataan di dalamnya saling bergantung atau berhubung kait maknanya. Contohnya, kata **perahu** mesti mempunyai hubungan dengan **bas**, keduanya pula mesti mempunyai pertalian dengan medan kenderaan. Satu sistem dinamik yang wujud ialah medan ini berfungsi dalam menghasilkan ujaran dan hanya boleh berfungsi sebagai satu keseluruhan.

Dalam kaedah analisis yang menggunakan Teori Medan, apa yang perlu ialah membezakan **kata leksikal** dengan **kata nahuan** serta mengenal konsep-konsep seperti **metalinguistik** (Asmah, 1991). Ini selaras dengan pendapat Lyons (1977:643) yang mengatakan bahawa dari segi makna ayat yang secara langsung berkaitan dengan fitur-fitur nahuan dan leksikal sesuatu ayat dan makna ujaran yang meliputi segala aspek sekunder mengenai makna, lebih-lebih lagi yang berhubungan dengan konteks. Perbezaan **primer** dan **sekunder** inilah yang membolehkan kita menentukan sesuatu, dan memaksudkannya sebagai sesuatu yang lain.

Kata leksikal ialah kata dalam sesuatu bahasa atau bahasa tertentu yang boleh dikesan maknanya, walaupun dikeluarkan daripada konteks. Kridalaksana (1983:77), mentakrifkan istilah leksikal sebagai satuan bahasa yang dianggap satuan terkecil yang menjadi unsur leksikon suatu bahasa, dan diterangkan dalam kamus sebagai entri.

Kata nahuan pula ialah kata-kata yang tidak boleh ditakrifkan jika dikeluarkan daripada konteksnya. **Kata nahuan** juga dikenali dengan **kata fungsi**. Kridalaksana (1983:77), mentakrifkan kata fungsi sebagai hubungan antara satu satuan dengan unsur-unsur gramatikal, leksikal atau fonologi dalam suatu deret satuan. Jadi, **kata fungsi** itu bolehlah dikatakan sebagai perkataan-perkataan yang digunakan untuk menghubungkan satuan gramatikal. Perkataan-perkataan tersebut adalah seperti kata preposisi, kata bantu, kata penghubung dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, perbincangan mengenai teori ini hanya akan berpusat kepada struktur leksikal atas beberapa sebab. Pertama, mengikut pendapat sebahagian ahli bahasa struktural, misalnya Lehrer (1974) mengatakan bahawa definisi perkataan lebih baik daripada hubungan antara leksikon dengan tatabahasa walaupun memang sudah tentu terdapat berbagai-bagai aspek daripada definisi itu yang melibatkan hubungan gramatikal.

Kedua, pada hemat pengkaji, kata leksikon itu adalah lebih utama berbanding dengan kata nahuan, dan kata leksis boleh ada, dan boleh tidak, serta boleh digunakan dalam komunikasi tanpa kata nahuan. Pengkajian kata leksis secara lebih abstrak dan mendalam boleh dilakukan dengan menggunakan

Kaedah Analisis Komponen Makna, sedangkan kata nahuan tidak boleh.

Daripada penjelasan yang telah diberikan, nyatalah di sini bahawa Teori Medan Makna itu ialah satu teori yang melibatkan sekumpulan atau satu set perkataan yang saling berhubung kait dalam sesuatu medan. Dalam setiap medan itu, terdapat makna yang dikongsi bersama yang dikenali sebagai makna pusat. Selain makna yang dikongsi bersama, terdapat juga beberapa komponen yang membezakan antara satu perkataan dengan satu perkataan lain yang dikenali sebagai fitur distingtif.

Oleh itu, untuk mengkaji sekumpulan perkataan yang termasuk dalam sesuatu medan, kita perlu mencari sekumpulan perkataan atau ciri-ciri yang mempunyai persamaan dari segi makna dan juga yang maknanya berkontras atau bertentangan. Perkataan-perkataan yang mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi makna ini dinamakan komponen makna.

Teori Analisis Komponen Makna

Bagi menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan Teori Analisis Komponen Makna (TAKM), kita perlu membezakan beberapa istilah, khususnya istilah **komponen**, **fitur**, **penanda** dan **pembeza** (Lyons, 1977:317–335).

Menurut Palmer (1981:108), keseluruhan satu kata terdiri daripada sejumlah elemen, yang antara satu dengan yang lain memiliki ciri yang berbeza-beza, dan elemen inilah yang dinamakan **fitur komponen**. Kridalaksana (1983:89), mendefinisikan komponen makna sebagai satu atau beberapa unsur yang bersama-sama membentuk makna kata atau ujaran.

Ciri umum yang dimiliki bersama oleh kesemua anggota kelas makna disebut **penanda**, manakala ciri khusus yang masing-masing dipunyai oleh anggota tertentu kelas makna dapat berfungsi sebagai **pembeza**. Contohnya, perkataan bapa, ibu, kakak, dan adik. Makna kata-kata ini dicari berdasarkan beberapa komponen seperti kerabat, lelaki, tertua, penglahir.

Carta 4 Contoh fitur.

Item Komponen Makna	A. Bapa	B. Ibu	C. Kakak	D. Adik
1. Kerabat	+	+	+	+
2. Lelaki	+	–	–	±
3. Tertua	+	+	+	–
4. Penglahir	+	+	–	–

Berdasarkan Carta 4 di atas, komponen **kerabat** merupakan penanda kerana kesemua kata yang terangkum dalam medan kekeluargaan ini memiliki komponen tersebut. Manakala komponen-komponen **lelaki**, **tertua** dan **penglahir** merupakan pembeza kerana komponen-komponen ini tidak dimiliki oleh kesemua ahli dalam medan kekeluargaan ini. Komponen **lelaki** membezakan antara kata **bapa** dengan yang lain. Komponen **tertua** membezakan antara kata **bapa**, **ibu** dan **kakak** dengan **adik**. Manakala komponen **penglahir** pula membezakan kata **bapa** dan **ibu** daripada **kakak** dan **adik**.

Kehadiran atau ketidakhadiran satu-satu komponen pada sesepatah kata itulah yang dikenali sebagai fitur. Inilah yang membezakan makna.

Contoh:

Bapa mempunyai fitur [+ penglahir].

Abang mempunyai fitur [- penglahir].

Semua kata contoh mempunyai komponen yang sama tetapi fiturnya lain, bergantung pada kehadiran komponen itu. Setiap komponen akan ditandai, sama ada oleh fitur [+], [-] atau [±].

Kridalaksana (1983:11) mendefinisikan analisis komponen makna sebagai satu penyelidikan makna dengan memecah-mecahkannya kepada komponen. Misalnya dalam bahasa Melayu, kata bapa terdiri daripada [+manusia], [+lelaki], [-lebih muda], [+ada anak] dan sebagainya.

Lehrer (1974) juga menjelaskan hal yang sama, iaitu:

“Komponen-komponen semantik (atau fitur-fitur) ialah pembentukan teoretikal yang boleh mencirikan perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa; setiap item leksikal akan ditakrif berdasarkan komponen-komponen (maksudnya).”

(Lehrer, 1974:46)

Petikan di atas lebih kurang bermaksud, komponen-komponen (atau fitur-fitur) semantik ialah butiran teoretikal yang boleh mencirikan perbendaharaan kata sesuatu bahasa; setiap item leksikal didefinisikan menurut komponennya. Secara kontras kepada leksikografi tradisional, analisis yang berdasarkan komponen (analisis komponen makna) mencuba melakukannya secara sistematik.

Berdasarkan beberapa definisi yang diberikan di atas, analisis komponen makna ini bolehlah ditakrifkan sebagai satu pendekatan untuk mendeskripsikan makna kata. Bagi maksud ini, makna setiap leksem boleh

dianalisis dengan cara menguraikannya kepada komponen (fitur-fitur semantik) (Lyons, 1977:317). Dari segi konsepnya, komponen-komponen bolehlah diibaratkan sebagai **atom**, manakala makna-makna khusus bagi sesuatu leksem pula diumpamakan sebagai **molekul**, iaitu unit yang terkecil (Lyons, 1977:317).

Walaupun konsep-konsep ini sudah agak lama digunakan, namun apa yang ingin ditonjolkan di sini adalah tentang bagaimana konsep-konsep ini diterapkan dalam proses pemindahan sesuatu leksikal/leksis. Dalam pemindahan sesuatu leksikal daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain, atau daripada satu dialek kepada bahasa yang sama, dan sebagainya, ada beberapa kriteria yang perlu dilihat. Antara lain:

- ketepatan maksudnya.
- boleh mendukung maksud-maksud tertentu.
- kata itu paling singkat.

Jadi, untuk melihat ciri-ciri/kriteria tersebut, cara yang agak sederhana adalah dengan mengkategorikannya ke dalam medan-medan tertentu. Misalnya cuci, basuh, sasah, kirah, kumbah, bersih (kan), termasuk dalam medan **membersihkan**, iaitu dari segi tujuannya. Bagi melihat ketepatan maknanya, leksikal yang terkandung dalam sesuatu medan itu akan dianalisis dengan menggunakan kaedah Analisis Komponen Makna.

Cara Analisis Leksikal

Item-item dalam setiap satu medan akan dianalisis menggunakan Kaedah Analisis Komponen Makna dengan carta. Setiap carta akan dijelaskan, penjelasan setiap carta akan disokong oleh jadual-jadual perbandingan yang memperlihatkan jumlah ciri yang berkontras dan juga yang bersamaan. Walau bagaimanapun, perbandingan bagi melihat persamaan dan perbezaan antara item dengan menggunakan jadual-jadual yang khusus ini hanya dibuat terhadap medan-medan yang mengandungi dua item atau lebih, dan item yang tidak berkontras antara satu sama lain hanya akan dijelaskan dalam para keterangan, tanpa disertakan jadual-jadual perbandingan seperti yang terdapat dalam medan-medan lain yang mengandungi lebih daripada dua item.

Ciri-ciri Analisis

Bagi menganalisis setiap item leksikal, ciri-ciri yang berikut akan digunakan sebagai dasar untuk mengenal pasti komponen-komponen makna bagi setiap

patah kata dan seterusnya bagi menubuhkan medan-medan makna.

A. Sifat Kerja (SK)

Sifat kerja merupakan perbuatan yang dilakukan dalam sesuatu kerja, yang di dalam ayat dikenal sebagai kata kerja. Contohnya, item **sebat** mempunyai sifat **memukul**. Item **jemur** mempunyai sifat **menggantung**.

B. Tujuan (Tj.)

Tujuan di sini bermaksud untuk apa sesuatu perbuatan itu dilakukan, contohnya, item **jemur** mempunyai tujuan untuk **mengeringkan**.

C. Objek (Ob.)

Objek dalam konteks ini bermaksud sesuatu yang dikenai oleh SK, baik benda mahupun manusia. Contohnya, kata **acut** mempunyai objek **makhluk bernyawa** sebagai (Ob1) dan **manusia** sebagai (Ob2).

D. Lokasi (Lk.)

Lokasi bermaksud tempat di mana sesuatu perbuatan itu berlaku atau dilakukan. Contohnya, **memasak** berlokasi di **dapur**.

E. Alat (Al.)

Alat bermaksud benda yang digunakan dalam sesuatu perbuatan, misalnya perbuatan **memukul** menggunakan **kayu, rotan, pembaris** dan sebagainya.

F. Situasi (St.)

Situasi bermaksud bagaimana keadaan yang wujud di sekitar si pelaku termasuk emosi dan cuaca ketika sesuatu perbuatan itu dilakukan atau sedang berlaku. Contohnya, item **tampar** berlaku dalam keadaan si pelaku **marah**. Item **jemur** berlaku dalam situasi **cuaca panas** dan sebagainya.

G. Bahan Mentah (BM)

Bahan mentah bermaksud bahan yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu termasuk resipi yang digunakan dalam sesuatu masakan. Misalnya, perbuatan **membubul jala**, bahan mentahnya ialah **benang, tangsi** atau **nilon**.

H. Destinasi Hasil (DH)

Destinasi hasil bermaksud, ke arah mana tujuannya sesuatu kerja itu, adakah ia tertuju ke atas, ke bawah, ke luar, atau ke dalam. Contohnya, item **ambit**; destinasinya menarik **ke arah diri si pelaku**.

I. Peringkat (Pr.)

Peringkat di sini bermaksud tahap-tahap proses sesuatu kerja itu dilakukan, adakah untuk memulakan sesuatu kerja atau mengemaskinikannya. Contohnya, perbuatan **membangkai** merupakan peringkat **terakhir** dalam proses membuat **nyiru** atau **takiding**.

J. Sifat Objek (SO)

Sifat objek bermaksud keadaan bentuk sesuatu objek atau benda yang digunakan untuk membuat sesuatu kerja itu. Contohnya, item **rotan**, sifat objeknya berbentuk **panjang** dan **lentur**.

K. Cara (Cr.)

Cara di sini bermaksud gaya ataupun aturan, bagaimana sesuatu kerja itu dilakukan. Contohnya, item **acut**, **sebat**, **rembat**, **sepak** dan **tempeleng** dalam medan **memukul** dengan cara horizontal.

L. Hasil (Ks.)

Hasil bermakna objek yang akan terbentuk/terhasil setelah sesuatu kerja itu dibuat. Contohnya, item **bubul** (BMB) dan **sirat** (BMS), hasilnya akan menjadi **jala/rambat**, **pukat**, **siut** dan sebagainya.

M. Sifat Hasil (SH)

Sifat hasil bermakna keadaan yang akan terjadi setelah sesuatu kerja itu dilakukan. Misalnya, item **sasah** dalam konteks pakaian, hasilnya akan menjadi **bersih**.

N. Durasi (Dr.)

Durasi bermakna tempoh yang diambil dalam sesuatu perbuatan itu, contohnya, item **dadang** durasi/tempoh masnya **sekejap**, item **salai** tempoh masnya **lama**.

O. Agen (Ag.)

Agen bermaksud sesuatu yang menyebabkan berlakunya tindak balas (proses dan sebagainya). Contohnya, **api**, **bara** atau **air** dan **wap panas** merupakan agen yang menyebabkan masakan **masak**.

P. Posisi Agen (PA)

Posisi agen bermakna di mana kedudukan agen ketika aksi atau perbuatan itu berlaku, iaitu sama ada **di bawah**, **di atas** atau **di tengah-tengah** benda yang **dimasak**. Contohnya, membakar kuih baulu secara tradisional, posisi agennya **di atas** dan **di bawah**.

Q. Posisi Objek (PO)

Posisi objek bermakna kedudukan **objek** semasa dibawa, sama ada

di hadapan, di belakang, di atas kepala atau sebagainya. Contohnya, perbuatan **menyikut**, posisi objeknya **di belakang**.

R. Urutan (Ur.)

Urutan bermakna susunan atau kejadian yang berlaku secara berurutan/berentetan, contohnya dalam perbuatan **mencuci** pakaian, **membilas** dilakukan di peringkat pertengahan, sedangkan **memerah** adalah di peringkat akhir.

S. Proses Awal (PrA)

Proses awal bermakna proses yang berlaku sebelum sesuatu kerja itu dilakukan. Contohnya, sebelum kerja-kerja **memisi** dilakukan, kadang-kadang **objek** yang hendak dipisi itu diproses terlebih dahulu, sama ada dengan cara **merebus** ataupun direndam dengan **air panas**.

T. Jarak Objek (JO)

Jarak objek bermakna jarak ruang di antara objek dengan pelaku semasa perbuatan itu berlaku. Misalnya, perbuatan **menabak** biasanya objek yang ditabak itu berada jauh dari si pelaku.

Bukan semua ciri di atas hadir dalam semua medan. Sebaliknya, dalam tiap-tiap medan/submedan mesti ada satu atau lebih ciri yang dominan serta sebilangan ciri lain yang menjadi fitur pembeza. Unsur-unsur dominanlah yang menamai sesuatu medan. Ciri yang dominan ini dikenali sebagai komponen umum kerana kehadirannya pada semua item yang menjadi ahli domain berkenaan. Jika didapati hanya satu komponen sahaja yang hadir mewakili satu-satu ciri, maka simbol induk akan digunakan. Sebaliknya, jika terdapat lebih daripada satu komponen butiran dalam satu-satu ciri, simbol perincian yang menggunakan nombor Arab akan digunakan. Sebagai contoh, item **ambat** dan item **acut** dalam Medan Memukul mempunyai ciri Objek (Ob.), tetapi ciri ini meliputi dua komponen, iaitu <bernyawa> dan <manusia>. Dengan itu, simbol seperti ini akan digunakan.

Ob1. Bernyawa

Ob2. Manusia

Ciri Tujuan (Tj.) dalam medan yang sama pula hanya diwakili oleh satu komponen. Oleh itu, ciri ini tidak diperincikan dengan nombor Arab. Simbol yang digunakan hanya "Tj" semata-mata.

Analisis item setiap medan akan dibuat secara berperingkat-peringkat. Penganalisan pada tahap pertama akan dibuat secara mempertentangan

butiran leksikal perbuatan yang bersinonim, iaitu bagi melihat persamaan serta perbezaan komponen-komponen makna yang dimiliki oleh setiap item leksikal yang akan dianalisis.

Persamaan atau perbezaan setiap item akan dilihat berdasarkan ciri-ciri yang diberi. Jika item-item itu memiliki ciri yang sama, bermakna item-item tersebut mempunyai persamaan. Sebaliknya, jika ciri-ciri yang dimiliki itu berbeza, bermakna item-item tersebut adalah berbeza antara satu dengan lain.

Jika terdapat perbezaan komponen makna pada item-item yang sinonim ini, khususnya kata yang homograf, iaitu tulisannya sama tetapi maknanya berbeza atau dengan perkataan lain, bentuknya sama tetapi berbeza maknanya, akan dijelaskan. Contohnya item-item seperti **kair**, **kaut** (DMB), **kaut** (BMS), **himpun**, **timbun**, dan **longgok**. Semua item tersebut adalah sinonim dan juga tercakup dalam satu medan yang sama kerana mempunyai sekurang-kurangnya satu fitur yang dikongsi bersama. Akan tetapi, dua daripada item tersebut, iaitu **kaut** (DMB) dan **kaut** (BMS), merupakan homograf kerana memiliki makna yang berbeza. Kata **kaut** (BMS) ada persamaan dengan kata **kair** dan **sauk** dalam DMB. Manakala item **kaut** (DMB) mempunyai persamaan dengan kata **cedok** (BMS). Satu lagi perbezaannya ialah item **kaut** (DMB) mesti menggunakan alat, sebaliknya item **kaut** (BMS) tidak mewajibkan penggunaan alat. Jika terdapat kes seperti ini, penjelasan akan dibuat secara lebih terperinci atau dijelaskan pada nota kaki.

Begitu juga dengan contoh item 1a dengan 1b dan 2a dengan 2b di bawah jelas menunjukkan ciri homograf kerana rujukan kedua-dua pasang kata itu merupakan dua hal yang sama sekali berbeza. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas, sila perhatikan contoh di bawah:

- 1a. **sasar** (DMB) bermakna kerja menggerakkan sesuatu, sama ada secara menarik mahupun menolak.
- 1b. **sasar** (BMS) bermakna keadaan mental manusia yang kurang siuman.
- 2a. **uar** (DMB) bermakna kerja mengacau, mencampur atau menyebatkan sesuatu masakan atau minuman.
- 2b. **uar** (BMS) bermakna kerja mengumumkan sesuatu secara berteriak dengan suara yang kuat.

Perkataan-perkataan yang sinonim dan homonim ini akan dianalisis menggunakan Analisis Komponen Makna untuk melihat perbezaan-perbezaan maknanya. Setiap perkataan yang dianalisis akan dipaparkan

melalui carta. Kemudian setiap carta akan diikuti oleh beberapa jadual serta penjelasannya.

Keterangan Carta

Bagi menganalisis item-item leksikal, lambang-lambang [+], [-] dan [±] akan digunakan dalam lajur-lajur carta. Lambang-lambang ini mempunyai maksud yang berikut:

- [+] bermaksud istilah/item dalam lajur berkenaan memiliki komponen makna yang dinyatakan.
- [-] bermaksud istilah dalam lajur berkenaan tidak memiliki komponen makna yang dinyatakan.
- [±] bermaksud istilah dalam lajur mempunyai kemungkinan untuk memiliki atau tidak memiliki komponen makna yang dinyatakan.

Singkatan bagi istilah-istilah dalam setiap lajur, keterangannya akan dinyatakan di bawah setiap carta. Rumusan bagi setiap konsep yang telah dianalisis akan dijelaskan di bawah atau di sebelah setiap carta dengan disokong oleh beberapa jadual yang berkaitan.

Analisis Data

Seperti yang telah dijelaskan pada bahagian pengenalan, pengkaji akan menganalisis sebanyak dua submedan manusia yang menggunakan tangan. Medan-medan yang akan dianalisis adalah seperti medan **memukul** dan **membersihkan**. Sebahagian daripada item/butiran yang terkandung dalam medan-medan yang dianalisis dalam kajian ini, misalnya kata **rotan**, hanya boleh hadir tanpa imbuhan sebagai kata kerja di dalam ayat perintah sahaja. Jika digunakan selain di dalam ayat perintah, item-item tersebut mesti dibubuh imbuhan seperti awalan **meN-**, **di-** atau akhiran **-kan** dan **-i**, ataupun imbuhan terbahagi **men-** ... **-kan** dan **di-** ... **-i**. Jika digunakan di dalam ayat yang bukan ayat perintah tanpa dibubuh imbuhan, item-item tersebut boleh berfungsi atau termasuk dalam kategori **kata nama** ataupun **kata sifat**. Contohnya, kata **rotan**, jika digunakan dalam ayat selain dalam ayat perintah, kata **rotan** di sini akan berfungsi sebagai kata nama, iaitu sejenis tumbuhan liar yang memanjat. Contoh lain ialah kata **pukah** dan **patah**, jika digunakan di dalam ayat selain ayat perintah, kata-kata tersebut akan berfungsi sebagai **kata sifat**.

Carta 5 Medan memukul.

Ciri-ciri	Item	A. Ambat	B. Acut	C. Rotan	D. Pukul	E. Sebat	F. Rembat	G. Tumbuk	H. Bukut	I. Tampar	J. Sepak[səpa?]	K. Tempeleng
1. SK. Memukul		+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+
2. Tj. Hukuman		±	+	+	±	+	±	-	-	+	+	+
3. Ob1.Beryawa		±	+	+	+	±	+	+	+	+	+	+
4. Ob2.Manusia		±	+	+	+	±	+	+	+	±	+	+
5. Al. Penggunaan Alat		+	+	+	+	±	±	-	-	-	-	-
6. Al. Halus, lentur dan panjang		+	+	+	-	+	+	-	-	-	-	-
7. Al2.Rotan		±	+	+	-	±	+	-	-	-	-	-
8. Cr. Horizontal		±	+	±	±	+	+	-	-	±	+	+

Keterangan Medan Memukul

Medan ini ditandai oleh fitur [+ memukul]. Didapati hanya fitur ini sahaja yang hadir pada semua item, manakala tujuh fitur lagi telah membezakan makna antara satu kata dengan yang lain. Kata **acut** (B) memiliki semua fitur [+] yang diberi berbanding dengan kata yang lain. Item **tumbuk** (G) dan item **bukut** (H) memiliki fitur yang sama. Begitu juga dengan item **sepak** (J) sama dengan item **tempeleng** (K). Persamaan fitur pada kedua-dua pasangan item ini mensahihkan atau mengesahkan bahawa pasangan berkenaan adalah sinonim.

Berdasarkan fitur-fitur yang dimiliki oleh item, jelas item **acut**, **rotan**, **sebat**, **tampar**, **sepak** dan **tempeleng** (B, C, I, J dan K) sama-sama memiliki fitur (+ hukuman) yang bermaksud perbuatan-perbuatan itu bertujuan untuk menghukum. Sebaliknya, **ambat**, **pukul** dan **rembat** (A, D dan F) tidak semestinya bertujuan sebagai hukuman, yakni memiliki fitur [\pm hukuman]. Carta 5 di atas juga menjelaskan bahawa kata **acut** (B) dan **rotan** (C) memiliki banyak persamaan fitur, kecuali ciri (Cr) yang menjadi fitur pembeza antara kedua-duanya; yang satu memiliki fitur [\pm horizontal] manakala yang satu lagi memiliki fitur [+ horizontal].

Perbandingan

Berdasarkan Carta 5 untuk medan memukul, jelas dapat dilihat persamaan dan perbezaan antara satu item dengan yang lain. Bagi menunjukkan berapa jumlah ciri yang dimiliki bersama dan yang tidak dimiliki antara sebelas item tersebut, sila lihat dalam Jadual 1a dan Jadual 1b. Jumlah item yang berkontras akan dipaparkan dalam Jadual 1a dan yang bersamaan pada Jadual 1b. Contohnya, Jadual 1a menunjukkan bahawa terdapat lima ciri yang berkontras antara item **ambat** (A) dengan item **acut** (B). Sebaliknya, dalam Jadual 1b menunjukkan bahawa terdapat tiga ciri yang bersamaan antara kedua-dua item tersebut. Simbol x dalam kedua-dua Jadual 1a dan Jadual 1b bermakna tidak berlaku perbandingan antara item berkenaan kerana kedua-duanya merupakan item yang sama.

Rumusan Jadual 1a dan Jadual 1b

Berdasarkan fitur-fitur yang tertera dalam Carta 5 dan juga Jadual 1a bagi medan memukul, didapati ada dua ciri yang paling sedikit mengkontraskan satu item dengan item yang lain. Ciri-ciri itu ialah Ob1 (bernyawa) dan Ob2 (manusia). Didapati dua pasang daripada item dalam medan ini 100%

Jadual 1a Bilangan ciri yang berkontras bagi item-item medan memukul.

Item	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K
A	x	5	4	4	3	5	7	7	5	7	7
B		x	1	4	4	2	5	5	5	3	3
C			x	2	5	3	5	5	4	4	4
D				x	7	4	3	3	3	3	3
E					x	4	7	7	5	5	5
F						x	5	5	6	4	4
G							x	0	3	2	2
H								x	3	2	2
I									x	2	2
J										x	0
K											x

x = Tiada perbandingan.

Jadual 1b Bilangan ciri yang bersamaan bagi item-item medan memukul.

Item	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K
A	x	3	4	4	5	3	1	1	3	1	1
B		x	7	5	4	6	3	3	3	5	5
C			x	6	3	5	3	3	4	4	4
D				x	1	4	5	5	5	5	5
E					x	5	1	1	3	3	3
F						x	3	3	2	4	4
G							x	8	5	6	6
H								x	5	6	6
I									x	6	6
J										x	8
K											x

x = Tiada perbandingan.

sinonim, iaitu item **tumbuk** dengan item **bukut**, dan item **sepak** [səpa?] dengan item **tempeleng**. Kedua-dua pasang kata ini boleh silih berganti dalam semua konteks. Manakala item **acut** dengan item **rotan**, tidak 100% sinonim, kerana satu daripada lapan ciri yang diberi, iaitu ciri (horizontal) boleh hadir dan boleh tidak pada item **rotan**. Ini bermakna item **acut** lebih spesifik berbanding dengan item **rotan**. Jika SK itu bertujuan sebagai **hukuman** kepada kanak-kanak (+ bernyawa, + manusia), menggunakan alat yang lentur dan panjang dan dilakukan secara horizontal, istilah **acut** lebih tepat berbanding dengan **rotan**.

Carta 6 Medan membersihkan.

Item Ciri-ciri	A. Sasah	B. Basuh (DMB)	C. Basuh (BMS)	D. Cuci	E. Kirah	F. Kumbah	G. Bersih (kan)
1. SK1. Mencuci	+	+	+	+	+	+	±
2. SK2. Menjirus	-	±	±	±	-	+	±
3. SK3. Membilas	+	-	±	+	+	-	+
4. Tj. Membersihkan	+	+	+	+	+	+	+
5. Ob1. Pakaian	+	-	±	±	+	-	-
6. Ob2. Pinggan mangkuk	-	+	+	+	+	-	+
7. Ob3. Umum (rumah, kereta, lantai, dan sebagainya)	-	+	+	+	-	-	+
8. Ob4. Anggota badan	-	+	+	+	-	+	+
9. Ag. Air yang banyak	±	±	±	±	+	+	±
10. Pr. Terakhir	-	-	-	-	+	-	+

Keterangan Medan Membersihkan

Medan ini ditandai oleh fitur [+ membersihkan]. Didapati hanya ciri ini yang hadir dalam semua item, dan terdapat dua ciri, iaitu ciri SK1 dan Ag. yang juga berkemungkinan dimiliki oleh semua item, tetapi ciri-ciri tersebut berkemungkinan juga tidak hadir bagi sesetengah item. Umpamanya, ciri

SK1 dan Ag. boleh jadi hadir atau tidak bagi perkataan bersih(kan) (item F), ciri ini berkemungkinan hadir dan berkemungkinan juga tidak bagi item-item B, C dan F.

Berdasarkan Carta 6 di atas, jelas menunjukkan perkataan sasah (item A) dan perkataan kumbah (item E) bersifat lebih khusus. Item pembuatan sasah dalam DMB khusus digunakan untuk pakaian, manakala item kumbah dalam BMS pula khusus digunakan untuk anggota badan. Sebaliknya, item basuh, sama ada dalam konteks DMB mahupun BMS bersifat agak umum; boleh digunakan untuk pakaian, pinggan mangkuk dan juga objek-objek lain, termasuk lantai, kereta, kaki, peralatan dapur dan sebagainya. Begitu juga dengan item cuci (D), bahkan item ini mempunyai makna yang lebih luas.

Perbandingan

Berdasarkan Carta 6 untuk medan membersihkan, persamaan dan perbezaan antara satu item dengan yang lain, dapat dilihat dengan jelas. Bagi menunjukkan berapa jumlah ciri yang dikongsi bersama dan yang tidak antara item tersebut, sila rujuk Jadual 2a dan Jadual 2b. Jumlah item yang berkontras akan diterakan dalam Jadual 2a dan yang bersamaan pada Jadual 2b. Sebagai contoh, Jadual 2a menunjukkan ada enam ciri yang membezakan item **sasah** (A) dengan item **basuh** DMB (B). Sebaliknya, Jadual 2b menunjukkan terdapat empat ciri yang bersamaan antara kedua-dua item tersebut.

Jadual 2a Bilangan ciri yang berkontras bagi item-item medan membersihkan.

Item	A	B	C	D	E	F	G
A	x	6	6	5	3	5	6
B		x	2	2	7	4	2
C			x	1	7	6	3
D				x	6	6	2
E					x	6	7
F						x	6
G							x

x = Tiada Perbandingan.

Jadual 2a Bilangan ciri yang bersamaan bagi item-item medan membersihkan.

Item	A	B	C	D	E	F	G
A	x	4	4	5	7	5	4
B		x	8	8	3	6	8
C			x	9	3	4	7
D				x	4	4	8
E					x	4	3
F						x	4
G							x

x = Tiada Perbandingan.

Rumusan

Berdasarkan Carta 6, Jadual 2a dan Jadual 2b di atas, jelas menunjukkan perkataan **sasah** (item A) dan **kumbah** (item E) bersifat lebih khusus. Item pembuatan **sasah** dalam DMB khusus digunakan untuk pakaian, manakala item **kumbah** dalam BMS pula khusus digunakan untuk anggota badan. Sebaliknya, item **basuh** sama ada dalam konteks DMB mahupun BMS bersifat agak umum; boleh digunakan untuk pakaian, pinggan mangkuk dan juga objek-objek lain, termasuk lantai, kereta, kaki, peralatan dapur dan sebagainya. Begitu juga dengan item **cuci** (D), bahkan item ini mempunyai makna yang lebih luas.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas dan juga hasil analisis yang telah dibuat, dapatlah disimpulkan bahawa takrif mengenai istilah kesinoniman dan juga keantoniman seperti penggunaan kata seerti dan kata berlawanan dalam pengajaran bahasa peringkat sekolah selama ini agak tergelencong. Walaupun hanya berdasarkan data yang terbatas, sudah terdapat beberapa kata yang mempunyai makna persis dan wajar ditingkatkan ke dalam bahasa Melayu standard atau lebih tepat dialek Melayu Semenanjung. Jika seluruh leksikal DMB dianalisis, pastilah kata-kata sedemikian lebih besar jumlahnya. Dengan kata lain, kata-kata DMB

dapat memperkaya BMS. Medan-medan makna yang telah dibuat dalam analisis ini boleh dijadikan titik tolak bagi menghimpunkan kata-kata DMB untuk dimanfaatkan bagi maksud penerbitan tesaurus.

RUJUKAN

- Abdul Chaer, 1990. *Pengantar Semantik Indonesia*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Abdullah Hassan, 1980. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ainon Muhammad, "Semantik: Satu Pengenalan Ringkas" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 23:5, hlm. 36–51, 1979.
- Aminuddin, 1985. *Semantik: Pengantar Studi tentang Makna*. Malang: Penerbit C. V. Sinar Baru Bandung.
- Asmah Haji Omar, 1988. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1990. "An Analysis of the Concepts of Conflict and Conflict Resolution in Malay" dlm. *Centre of East and Southeast Asian Studies*, Goteborg: University of Goteborg.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baldinger, Kurt, 1980. *Semantic Theory Towards a Modern Semantics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Berlin, B. dan P. Kay, 1969. *Basic Color Terms*. Berkeley: Universiti of California Press.
- Bloomfield, L., 1935. *Language*. London: George Allen and Unwin Ltd.
- Bloomfield, L., 1992. *Bahasa*. Diterjemah oleh Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayuddin dan Noor Ein Mohd. Noor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayang Aini binti Haji Karim, 1994. "Pemindahan Leksis: Dialek Melayu Brunei dan Bahasa Melayu Standard". Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
- Dillon, George L., 1977. *Introduction to Contemporary Linguistic Semantics*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, International, Inc.
- Fillmore, Charles J. dan D. Terence Langendoen, (ed.), 1971. *Studies in Linguistic Semantics*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Goodenough, W.H., "Componential Analysis and the Study of Meaning" dlm. *Language*, 32, hlm. 195–216, 1956.
- Gordon, W. Terrence, 1982. *A History of Semantics*. Amaterdam: John Benjamins Publishing.
- Harris, Zelligs, "Componential Analysis of a Hebrew Paradigm" dlm. *Language*, 24:87–91, 1948.
- Kamus Dewan*, 1984, 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Keith Allan, 1986. *Linguistic Meaning, Vol. 1*. London dan New York: Routledge and Kegan Paul.
- Kempson, Ruth M., 1977. *Semantic Theory*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kempson, Ruth M., 1992. *Teori Semantik*. Diterjemah oleh Zaiton AB. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Komlev, N.G., 1976. *Components of the Content Structure of The Word*. The Hauge: Mouton.
- Kridalaksana, Harimurti, 1983. *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT. Gramadia.
- Leech, Geoffrey N., 1974. *Semantics*. Harmondsworth: Penguin Books Ltd.
- Leech, Geoffrey N., 1980. *Explorations in Semantics and Pragmatics*. Amsterdam: John Benjamins B.V.
- Lehrer, Adrienne, 1974. *Semantic Field and Lexical Structure*. London: North-Holland Publishing Company.
- llmann, Stephen., 1962. *Semantics: An Introduction to The Science of Meaning*, Oxford: Basil Blackwell.
- Lyons, John, 1968. *Introductions to Theoretical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons, John, 1977. *Semantics, Vol. 1 & 2*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nida, Eugene A., 1975. *Componential Analysis of Meaning: An Introduction to Semantic Structures*. The Hauge: Mouton.
- Palmer, F.R., 1981. *Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Palmer, F.R., 1989. *Semantik*. Diterjemah oleh Abdullah Hassan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parera, J.D., 1991. *Teori Semantik*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Poedjosodarmo, Seopomo, 1989. *Penentuan Metode Penelitian*. Bandar Seri Begawan: Pusat Teknologi Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam.
- Ton bt. Ibrahim, 1987. "Kata Kerja Gerak dalam Dialek Kedah: Analisis Komponen Semantik". Tesis Sarjana Falsafah, Universiti Malaya.
- Ullmann, Stephen., 1957. *The Principles of Semantics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Weinreich, U., "Explorations in Semantic Theory" dlm. *Current Trends in Linguistics, Vol. 3*, 1966. The Hauge: Mouton.